



18 APR, 2026

KEMBALI PULIH

Harian Metro, Malaysia



ASMAWI (tengah) ketika hadir ke Stadium Hoki Batu Buruk Kuala Terengganu, bagi menerima sumbangan. - FOTO MHC

KEMBALI PULIH

Asmawi tunjuk perkembangan positif, mampu tampil di khalayak

Oleh Aida Adilah Mat
aida_adilah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kuasa Allah apabila bekas pemain hoki remaja negara, Mohamad Asmawi Zaidi kini kembali pulih selepas melalui detik sukar yang pernah mengundang rasa sebak dalam kalangan peminat sukan tanah air.

Kisahnyanya sebelum ini tular di media sosial tahun lalu apabila kelibatnya dirakam merayau dalam keadaan tidak terurus, sekaligus mengundang simpati ramai yang mengenali bakatnya satu ketika dahulu.

Asmawi bukan nama

asing dalam dunia hoki negara apabila pernah menyarung jersi skuad bawah 16 tahun selain mewakili Terengganu di pentas Sukan Malaysia (SUKMA).

Malah, dia juga pernah beraksi di pentas antarabangsa termasuk di Jerman, India dan Pakistan, membuktikan dirinya antara pemain muda yang berbakat besar.

Namun, perjalanan hidupnya berubah apabila dia berdepan masalah kesihatan yang menyebabkan dirinya hilang arah sehingga mencetuskan kebimbangan dalam kalangan rakan serta komuniti hoki.

Kini, segalanya berubah apabila Asmawi kembali

menunjukkan perkembangan positif dan mampu tampil di khalayak, sekaligus memberi kelegaan kepada semua yang mengikut kisahnyanya.

Bersempena Piala Sumbangsih TNB Liga Hoki Malaysia, Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Persatuan Hoki Negeri Terengganu (PHT) tampil menghulurkan bantuan bagi meringankan beban ditanggungnya.

Pada majlis di Stadium Hoki Batu Buruk, Kuala Terengganu baru-baru ini, Asmawi hadir menerima sumbangan RM5,000 yang akan disumbangkan kepada Pusat Jagaan Sinar

Insan di Marang dan ia dilihat sebagai satu detik menyentuh hati apabila dia dilihat semakin stabil dan tenang.

Pusat Jagaan Sinar Insan di Marang yang menjadi tempat perlindungannya turut memainkan peranan penting dalam membantu proses pemulihan Asmawi sehingga dia kembali berada di landasan lebih baik.

Kisah ini bukan sahaja menyentuh hati, malah menjadi bukti bahawa sokongan berterusan daripada pelbagai pihak mampu mengubah kehidupan seseorang. Syukur, di sebalik ujian getir yang dilalui, sinar baharu kini kembali menyinari kehidupan Asmawi.